

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 16 JUN 2015

SOALAN :

YB. Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mempromosi pelbagai tarikan pelancong di Sabah seperti Gunung Kinabalu, Meliau Basin serta Pulau Sipadan serta kekangan yang dihadapi dalam usaha meningkatkan lagi jumlah pelancong yang berkunjung ke negeri di Bawah Bayu.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha yang diambil oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia bagi mempromosikan pelbagai tarikan di Sabah adalah seperti yang berikut:-

- i) Pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negara dengan kerjasama Sabah Tourism Board (STB) telah menganjurkan beberapa program seperti :
 - a. Melaksanakan promosi *online* bersama Air Asia serta lain-lain *Online Travel Agents* (OTA) yang besar di pasaran;
 - b. Menganjurkan Lawatan *Mega Fam* untuk media dan pengusaha pelancongan dengan kerjasama syarikat-syarikat penerbangan seperti Malaysia Airlines, Air Asia, Cathay Pacific, Dragon Air dan Royal Brunei Airlines.

Secara keseluruhan, sebanyak 79 lawatan *Mega Fam* telah dianjurkan ke negeri Sabah pada tahun 2014. Program *Mega Fam* ini memberi peluang kepada peserta-peserta asing untuk meninjau dengan sendiri tahap keselamatan di Sabah yang telah ditambahbaik dengan penubuhan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM). Lawatan sedemikian turut memberi keyakinan kepada pihak wakil

industri asing untuk meneruskan usaha membangunkan pakej ke Sabah dan menjana publisiti media yang positif.

- ii) Mengadakan penerbangan *charter* dari pasaran sasaran ke Negeri Sabah seperti yang berikut:
 - a. Sebanyak dua penerbangan *charter* bagi sektor Fukuoka – Kota Kinabalu iaitu pada 13 Oktober dan 30 Disember 2014 dan satu penerbangan *charter* bagi sektor Osaka – Kota Kinabalu pada 30 Disember 2014;
 - b. Sebanyak 20 penerbangan *charter* bagi sektor Busan – Kota Kinabalu dan 28 penerbangan *charter* bagi sektor Incheon – Kota Kinabalu selama 4 bulan bermula Disember 2014 hingga Mac 2015;
 - c. Sebanyak 22 penerbangan *charter* bagi sektor Chongqing – Kota Kinabalu selama 2 bulan bermula Julai 2015; dan
 - d. Sebanyak 36 penerbangan *charter* bagi sektor Hangzhou, Guangzhou dan Shenzhen – Kota Kinabalu selama 6 bulan bermula Julai 2015.
- iii) Tourism Malaysia bekerjasama dengan *National Geographic Channel* dalam program *Exploring Malaysia: Adventure With Nick Baker* untuk mempromosikan negeri Sabah. *Vignette* berdurasi 60 saat bersama Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia juga dibuat di *Mari-Mari Cultural Village* di Kota Kinabalu, Sabah.

- iv) Tourism Malaysia membawa para pengusaha pelancongan Negeri Sabah untuk berjumpa dengan para pengusaha pelancongan asing di dalam pameran pelancongan antarabangsa seperti International Tourism Bourse (ITB) di Berlin, di Jerman; World Travel Mart (WTM) di London; China International Travel Mart (CITM) di Shanghai dan lain-lain misi Jualan Pelancongan.

- v) Tourism Malaysia dengan kerjasama MATTA Sabah Chapter telah menerbitkan risalah "Best of Borneo Holiday Packages" yang dilancarkan di Pameran MATTA Mac 2015. Inisiatif ini diambil untuk mempromosikan Sabah menerusi pelbagai tawaran pakej percutian yang menarik, sejajar dengan sambutan Tahun Festival Malaysia (MyFest) 2015.

Risalah yang mengandungi 36 pakej percutian ini telah dibangunkan dengan kerjasama 18 pengusaha pelancongan di Sabah, serta menawarkan pelbagai tempat percutian yang unik di Sabah.

Pakej-pakej tersebut dikategorikan mengikut pelbagai segmen bagi memudahkan para pelancong untuk mengenal pasti dan memilih destinasi percutian berdasarkan minat mereka. Antara segmen tersebut termasuklah *Eco Nature & Wildlife*, *Island Getaway*, *Golfing*, *Culture & Heritage*, *Food Trails*, *Two Wheels*, *Homestay*, dan *Parks & Gardens*, serta pelancongan minat khas (*special interest tourism*) seperti aktiviti memancing, aktiviti berbasikal bukit, dan sebagainya.

- vi) Melalui kerjasama Tourism Malaysia dengan penggiat industri tempatan, sebanyak 21 pakej telah dibangunkan bagi mempromosi Gunung Kinabalu, tiga (3) pakej bagi Meliau Basin dan empat (4) pakej ke Pulau

Sipadan yang telah dimuatkan dalam *booklet* "Cuti-cuti 1Malaysia (CC1M) 1001 Packages".

Tuan Yang di-Pertua,

Antara kekangan yang dihadapi dalam usaha mempromosikan negeri Sabah adalah liputan media negatif akibat kes-kes penculikan yang melibatkan pelancong asing dan *travel advisory* yang disiarkan oleh beberapa negara seperti Australia, Amerika Syarikat dan Jepun.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (25)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2015
[SELASA]

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

SOALAN :-

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil dari sudut perundangan dan penguatkuasaan bagi mengatasi masalah penggondolan hutan dan bukit bukau yang seolah-olah telah sampai ke tahap tanpa kawalan terutama sekitar Lembah Kelang termasuk Hulu Langat bagi pembangunan perumahan dan industri.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] memperuntukkan bahawa Kebenaran Merancang (KM) hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) sebelum menjalankan sesuatu pemajuan, termasuklah pemajuan di kawasan bukit. KM diberikan oleh PBPT di bawah Subseksyen 22(3) Akta 172.

Permohonan KM bagi pemajuan di kawasan bukit juga perlu mendapat ulasan teknikal daripada semua agensi berkaitan termasuklah Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan lain-lain jabatan yang berkaitan sebelum sesuatu permohonan KM tersebut diluluskan.

Sekiranya pemajuan yang dijalankan tanpa mendapatkan KM daripada PBPT, tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 26 dan 27 Akta 172

di mana di bawah Seksyen 26 melibatkan pemajuan tanpa KM, jika disabitkan kesalahan, didenda tidak melebihi RM500,000 atau di penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya sehingga RM5,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan. Manakala di bawah Seksyen 27 Akta 172 bagi kesalahan gagal mematuhi notis yang dikeluarkan oleh PBPT, jika disabitkan, didenda tidak melebihi RM100,000 atau di penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya sehingga RM5,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Walau bagaimanapun, jika KM telah diperolehi, PBPT boleh juga memantau projek pemajuan yang dijalankan oleh pemaju supaya selaras dengan KM yang telah diberikan. Sekiranya pemaju menjalankan pemajuan yang melanggar dengan syarat KM yang diberikan, maka tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah Seksyen 28 Akta 172 di mana, sekiranya gagal mematuhi notis yang dikeluarkan oleh PBPT, jika disabitkan, didenda tidak melebihi RM100,000 atau di penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya sehingga RM5,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Di samping itu, tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan juga boleh diambil di bawah Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385]. Akta ini digubal bertujuan untuk mengukuhkan undang-undang berkaitan dengan pemuliharaan bukit dan perlindungan daripada hakisan tanah dan larian kelodak. Akta ini diterima pakai oleh negeri-negeri melalui enakmen yang diwartakan di peringkat negeri. Akta ini juga memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk mengambil tindakan terhadap tuan tanah yang mana tanahnya telah menyebabkan atau kemungkinan boleh menyebabkan kerosakan terhadap tanah yang lain. Mana-mana orang yang tanpa alasan munasabah gagal untuk mematuhi apa-apa perintah di bawah peruntukan Akta ini hendaklah dikenakan denda tidak melebihi RM5,000.00 dan keingkaran membuat pembayaran boleh dikenakan hukuman penjara tertakluk kepada Seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2015